



# Pesanan kepada umat Islam

*Inti pati daripada surah al-Kahf bersesuaian dengan sambutan Hari Kemerdekaan*

NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN

## KUANTAN

**S**ekretariat Rumah Ngaji Pahang meneruskan tradisi bersama menjayakan Malaysia #QuranHour 1440H/2019 yang akan diadakan serentak seluruh negara sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-62 pada 30 Ogos ini.

Masjid Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (Kuipsas) dipilih sebagai lokasi sambutan Malaysia #QuranHour peringkat negeri Pahang kali ini.

Penyelaras Sekretariat Rumah

Ngaji Pahang, Mohd Rozamli Mohd Rozak berkata, pihaknya bekerjasama dengan Kuipsas bagi menjayakan kempen tersebut.

Menurutnya, satu mesyuarat akan diadakan bersama pihak Kuipsas bagi mengatur perancangan dan gerak kerja termasuk penubuhan jawatankuasa pelaksanaan dan pengelola program.

"Kami juga sedang mengenal pasti qari jemputan, pentausiah dan perasmian program ini di mana keputusannya mungkin akan dicapai pada mesyuarat itu nanti.

"Dalam konteks pengisian, memandangkan masa yang agak terhad kerana ia berlangsung pada hari Jumaat, jadi kita akan lebih memberi penekanan kepada bacaan 10 ayat pertama dan 10 ayat terakhir surah al-Kahf yang menjadi surah pilihan.

"Selain itu, kita juga akan memberi

penekanan kepada tausiah pesan kemerdekaan yang tersingkap di sebalik ayat-ayat dari surah al-Kahf yang dibacakan," katanya.

Beliau berkata, pesan kemerdekaan daripada al-Quran ini berdasarkan inti pati yang terkandung dalam ayat-ayat yang dibacakan termasuk mengenai sifat

bersyukur dan tidak syirik, yakin bantuan ALLAH, syurga adalah kebahagiaan hakiki, amaran terha-

MOHD ROZAMLI



dap amalan sia-sia golongan pendusta, kufur dan mereka yang memperlokkan agama.

"Tema 'Pesan Kemerdekaan Surah al-Kahf' ini amat bersesuaian dengan sambutan Hari Kemerdekaan.

"Kalau ikutkan nota diberi untuk keseragaman di semua negeri, ia masih terikat dengan surah al-Kahf di mana inti pati daripada ayat itu dapat menjadi pesanan kepada umat Islam dalam suasana kita bakal menyambut kemerdekaan," katanya.

"Pesanan di sebalik daripada ayat-ayat ini sebenarnya menuju kepada mengajak umat Islam supaya sentiasa bergantung kepada ALLAH dan bersyukur bahawa kemerdekaan itu juga sebahagian daripada nikmat ALLAH dan nikmat itu perlu diperlakukan seperti mana yang dituntut syariat," katanya.

Dalam perkembangan sama, Mohd Rozamli berkata, bagi menjayakan sambutan Malaysia

8

Malaysia #QuranHour

hari lagi...

Tarikh: 29 Zulhijah 1440H bersamaan 30 Ogos 2019.  
 Lokasi: Masjid Putra, Putrajaya, Wilayah Persekutuan,  
 Presint 1, Putrajaya, 62600 Putrajaya  
 Masa: 11.00 pagi - 12.00 tengah hari  
 Dahar Hols pos: <http://bit.ly/MQH1440H>

Jika merasa mengintip, tarik kisar ke hadapan atau belakang dan masing-masing gambar akan berubah.

UMMAH KELAS BERPENGARUH

#QuranHour peringkat negeri Pahang kali ini pihaknya berusaha untuk mengajak seramai mungkin umat Islam untuk bersama-sama menyertainya.

"Justeru kami akan mendapat kerjasama dengan pihak Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) untuk mendapatkan kebenaran hebahan program ini ke masjid-masjid.

"Pada masa sama, kami juga turut menyasarkan penyertaan pelajar sekolah-sekolah berdekatan, pelajar pusat tafhib, kumpulan tahnin dan kelas tafaqquh dan masyarakat sekitar," katanya.